

Soalan Lazim

Surat Kredit Ekspres (“Express LC”) / Surat Kredit Ekspres-i (“Express LC-i”)

NO.	QUESTION & ANSWER	
1.	Q:	Apakah Express LC/LC-i (Surat Kredit Ekspres/Surat Kredit Ekspres-i)?
	A:	<i>Express LC/LC-i adalah satu bentuk jaminan bertulis yang dikeluarkan oleh bank kepada peniaga dengan 100% cagaran Deposit Tunai atau Deposit Tetap (FD)/Deposit Berjangka-i(TD-i) tanpa perlu memohon kemudahan perdagangan sedia ada.</i> <i>Express LC-i distrukturkan di bawah konsep Wakalah, iaitu merujuk kepada kontrak di mana pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) melantik pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran (seperti yang ditakrifkan dalam Dokumen Polisi Wakalah BNM).</i>
2.	Q:	Adakah pelanggan sedia ada layak untuk memohon LC/LC-i Ekspres?
	A:	<i>Pelanggan pinjaman/pembiayaan dan bukan pinjaman/bukan pembiayaan yang sedia ada layak untuk memohon dengan syarat Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i atau Akaun Mata Wang Asing/ Akaun Mata Wang Asing-i dikekalkan dengan Affin Bank Berhad /Affin Islamic Bank Berhad.</i> <i>Sama ada anda sudah menikmati penyelesaian pembiayaan kami atau hanya memiliki akaun dengan Affin Bank Berhad /Affin Islamic Bank Berhad - anda dialu-alukan untuk memohon Express LC/ LC-i.</i> <i>👉 Ingin memohon? Hubungi Pengurus Perhubungan anda atau kunjungi cawangan AFFIN berdekatan untuk memulakan permohonan Express LC/LC-i anda — cepat, mudah dan patuh Syariah.</i>
3.	Q:	Bolehkah pelanggan LC/LC-i sedia ada memohon Express LC/LC-i?
	A:	<i>Ya, pelanggan LC/LC-i masih boleh memohon Express LC/LC-i secara ad-hoc dengan Deposit Tunai atau Deposit Tetap /Bertempoh/-i.</i> <i>👉 Hubungi Pengurus Perhubungan anda atau kunjungi cawangan AFFIN yang terdekat untuk memulakan permohonan Express LC/LC-i anda hari ini!</i>
4.	Q:	Apakah jenis Express LC/LC-i yang boleh dikeluarkan?
	A:	<i>Hanya LC/LC-i yang Tidak Boleh Dibatalkan dan Tidak Boleh Dipindah milik sahaja yang dibenarkan.</i>
5.	Q:	Apakah jenis matawang yang dibenarkan untuk pengeluaran Express LC/LC-i?
	A:	<i>Express LC/LC-i boleh dikeluarkan dalam bentuk Ringgit Malaysia (MYR) atau matawang Asing.</i>

	Q:	Apakah jenis cagaran deposit yang diterima di bawah Express LC/LC-i?														
6.	A:	<i>Jenis-jenis cagaran deposit yang diterima adalah seperti berikut:</i>														
		<i>(a) Deposit Tunai</i>														
		<i>(b) Deposit Tetap (FD) / Deposit Bertempoh-i (TD-i) – Individu pihak ketiga sahaja*</i>														
		<table><tr><th><i>Matawang LC/ LC-i</i></th><th><i>Deposit</i></th><th><i>Ulasan</i></th></tr><tr><td><i>Ringgit Malaysia (MYR)</i></td><td><i>Ringgit Malaysia (MYR)</i></td><td><i>100% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i></td></tr><tr><td><i>Matawang Asing</i></td><td><i>Matawang Asing (sama seperti matawang LC/ LC-i)</i></td><td><i>100% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i></td></tr><tr><td><i>Matawang Asing</i></td><td><i>Ringgit Malaysia (MYR)</i></td><td><i>110% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i></td></tr></table>			<i>Matawang LC/ LC-i</i>	<i>Deposit</i>	<i>Ulasan</i>	<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>100% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i>	<i>Matawang Asing</i>	<i>Matawang Asing (sama seperti matawang LC/ LC-i)</i>	<i>100% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i>	<i>Matawang Asing</i>	<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>110% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i>
		<i>Matawang LC/ LC-i</i>	<i>Deposit</i>	<i>Ulasan</i>												
<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>100% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i>														
<i>Matawang Asing</i>	<i>Matawang Asing (sama seperti matawang LC/ LC-i)</i>	<i>100% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i>														
<i>Matawang Asing</i>	<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>110% + perbezaan / toleransi (jika ada) sama ada:</i> <i>i. Deposit Tunai</i> <i>ii. FD/ TD-i</i>														
<i>Jadual 1</i>																
<i>Sebarang penukaran kepada nilai setara dalam MYR akan dikira berdasarkan kadar jualan kaunter semasa Bank. Untuk ilustrasi lanjut tentang pengiraan, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk LC/LC-i Ekspres.</i> <i>Jika terdapat pindaan LC/LC-i melibatkan kenaikan amaun, deposit tambahan perlu disediakan oleh Pemohon untuk menampung perbezaan tersebut.</i> <i>Transaksi Express LC/LC-i yang melibatkan ‘penyelesaian sebahagian’ hanya terpakai untuk Deposit Tunai sahaja</i>																
<i>* FD TD-i mesti dicagarkan di bawah nama pemegang saham dan bukan di bawah nama syarikat.</i>																
7.	Q	Berapa lamakah masa yang diambil untuk pengeluaran Express LC/LC-i?														
	A:	<i>Express LC/LC-i akan diproses pada hari yang sama, tertakluk kepada permohonan dan dokumen lengkap yang diterima oleh Bank sebelum 12:00 tengah hari pada hari perniagaan.</i>														
8.	Q	Adakah terdapat had maksimum untuk Express LC/LC-i?														
	A:	<i>Tiada had maksimum bagi Express LC/ LC-i, tetapi ianya masih tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Bank.</i>														

9.	Q	Apakah tempoh maksimum untuk Express LC/LC-i?
	A:	<i>Tempoh maksimum tidak melebihi 365 hari, tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Bank.</i>
10.	Q	Bagaimanakah pembayaran penuh untuk Express LC/LC-i boleh dilakukan?
	A:	<i>Pembayaran penuh Express LC/LC-i dengan menggunakan Deposit Tunai yang diambil terlebih dahulu atau dengan pembubaran FD/TD-i yang berkaitan. Caj lain yang berkaitan akan didebitkan daripada akaun Pemohon.</i>
11.	Q	Di mana pelanggan boleh mendapatkan borang permohonan Express LC/LC-i?
	A:	<i>Borang permohonan boleh didapati di https://www.affinalways.com/bm/corporate-trade-finance</i>
12.	Q	Bolehkah deposit tunai atau caj di bawah Express LC/LC-i didebitkan daripada akaun pihak ketiga selain daripada Pemohon?
	A:	<i>Ya, dengan syarat akaun pihak ketiga adalah pemegang akaun di Affin Bank Berhad /Affin Islamic Bank Berhad.</i>
13.	Q	Merujuk kepada perkara 12 di atas, adakah Bank memerlukan surat kebenaran berasingan untuk membolehkan pembayaran didebitkan daripada akaun mereka?
	A:	<i>Tidak, surat kebenaran pihak ketiga yang berasingan tidak diperlukan. Pemegang akaun pihak ketiga hanya perlu bersetuju dan menandatangani permintaan tersebut di borang permohonan.</i>
14.	Q	Bagaimanakah permohonan Express LC/LC-i boleh diserahkan?
	A:	<i>Permohonan Express LC/LC-i boleh dikemukakan melalui Cawangan AFFIN, Pusat Kewangan Perdagangan, atau secara dalam talian di www.AffinAlways.com.</i>